

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI (DUNGUN)**

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan memaklumkan perancangan untuk membuat susur keluar baharu antara persimpangan Bukit Besi ke Ajil di Lebuhraya Pantai Timur 2.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) sepanjang 184 km dari Jabor ke Kuala Terengganu telah mula dibina pada tahun 2006 di mana ianya telah siap sepenuhnya dan dibuka keseluruhannya kepada trafik pada 31 Januari 2015. Lanjutan daripada itu, LPT2 telah mula diswastakan dan pelaksanaan kutipan tol telah berkuatkuasa pada 15 Julai 2016 dimana segala aspek pentadbiran, operasi dan penyenggaraan adalah dibawah tanggungjawab syarikat konsesi LPT2 Sdn Bhd sepenuhnya. Berkaitan dengan itu, bermula pada 15 Julai 2016, pihak LPT2 Sdn Bhd telah melaksanakan kerja-kerja operasi dan penyenggaraan sepertimana yang telah termaktub didalam Perjanjian konsesi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jajaran Lebuhraya LPT 2 mempunyai 10 persimpangan bertingkat sediada yang telah siap dibina. Berhubung perkara ini juga, terdapat dua persimpangan bertingkat tertangguh 'deffered interchange' iaitu Persimpangan Bertingkat Pelabuhan Kuantan dan Persimpangan Jerangau Barat yang akan dibina secara berasingan selepas tempoh penswastan Lebuhraya LPT 2 bermula. Berkaitan itu juga, kedua-dua Persimpangan Bertingkat tertangguh ini telah termaktub di dalam Perjanjian konsesi dan ianya akan dibina oleh pihak kerajaan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Persimpangan Bertingkat Pelabuhan Kuantan yang terletak diantara jajaran Jabor ke Cheneh telah mula dibina pada tahun 2018 dan kini berada di dalam fasa akhir pembinaan. Persimpangan Bertingkat tersebut dibina oleh pihak kerajaan melalui Wilayah Ekonomi Pantai Timur (East Coast Economic Region Development Council – ECERDC).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini hanya tinggal satu sahaja lokasi pembinaan Persimpangan Bertingkat tertanggung di Lebuhraya LPT 2 iaitu Persimpangan Bertingkat Jerangau Barat yang terletak diantara jajaran Bukit Besi ke Ajil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata trafik harian yang melalui Tol Plaza Bukit Besi dan Tol Plaza Ajil masih rendah berbanding kapasiti sediada. Keadaan ini menunjukkan tol plaza tersebut masih kurang digunakan. Oleh yang demikian, cadangan pembinaan Persimpangan Bertingkat ini juga perlu mengambilkira keperluan semasa supaya penggunaannya dapat dioptimumkan dan kos yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan mendapat kesan berganda kepada ekonomi setempat dan tidak menjadi projek gajah putih.

Walaupun bagaimanapun, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia bersama syarikat konsesi akan sentiasa berkerjasama dengan kerajaan negeri di dalam merancang pelaksanaan pembinaan Persimpangan Bertingkat tertanggung tersebut berdasarkan situasi semasa.

Sekian, terima kasih.